

JABATAN BENDAHARI

Ruj. Kami : UPSI/BEN/B/597(05)
Tarikh : 30 MEI 2025
02 ZULHIJAH 1446H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

PEKELILING BENDAHARI BIL.1/2025 – PERUBAHAN KEAHLIAN DAN TERMA RUJUKAN LEMBAGA PEROLEHAN DAN PERUBAHAN HAD NILAI PEROLEHAN KERJA SECARA SEBUT HARGA, TENDER DAN “REQUISITION” SECARA UNDIAN DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS SELARAS SURAT ARAHAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-154, Bil.2/2025 pada 21 Mei 2025 telah bersetuju meluluskan:-

- 2.1 perubahan keahlian Lembaga Perolehan, Terma Rujukan Lembaga Perolehan serta Tanggungjawab Urus Setia Lembaga Perolehan UPSI sepertimana surat lantikan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 5 Mei 2025 (**Lampiran 1**).
- 2.2 pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bagi Perolehan Kerajaan PK2.21 dan cadangan perubahan had nilai perolehan kerja secara sebut harga, tender dan *requisition* secara undian untuk tempoh mulai 1 Jun 2025 sehingga 31 Disember 2025 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 9 Mei 2025 (**Lampiran 2**) seperti berikut: -
 - i had nilai perolehan kerja secara “requisition” daripada RM1 hingga RM100 ribu **kepada sehingga RM200 ribu**
 - ii had nilai perolehan kerja secara sebut harga daripada melebihi RM50 ribu hingga RM1 juta **kepada melebihi RM50 ribu sehingga RM3 juta.**
 - iii had nilai perolehan kerja secara tender daripada nilai melebihi RM1 juta **kepada melebihi RM3 juta.**

3. Selaras dengan perubahan tersebut, terdapat pindaan pada Peraturan Kewangan Dan Perakaunan UPSI pada Bab 7 - Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja serta Bab 13 – Peraturan - Peraturan Tatacara Mesyuarat Lembaga Perolehan. Bagi memudahkan rujukan semua PTj, dokumen-dokumen berkaitan pengurusan perolehan Universiti telah dikemaskini seperti berikut:-

1/2

- 3.1 Peraturan Kewangan & Perakaunan UPSI : Bab 7 - Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja (**Lampiran 3**) dan Bab 13 – Peraturan - Peraturan Tatacara Mesyuarat Lembaga Perolehan (**Lampiran 4**)
 - 3.2 Prosedur Perolehan (UPSI(ISO)/BEN/P02) - **Lampiran 5**
 - 3.3 Garis Panduan Pengurusan Perolehan (UPSI(ISO)/BEN/P02/GP01)-**Lampiran 6**
 - 3.4 Arahkan Kerja Sebutharga Rasmi (UPSI(ISO)/BEN/P02/AK03) - **Lampiran 7**
 - 3.5 Arahkan Kerja Tender (UPSI(ISO)/BEN/P02/AK04) - **Lampiran 8**
4. Sehubungan itu, semua dokumen yang dinyatakan seperti di Perkara 3 di atas boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Bendahari <http://bendahari.upsi.edu.my>.
5. Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa daripada tarikh kelulusan Lembaga Pengarah Universiti dan perlu dibaca bersama-sama dengan Perbendaharaan Malaysia PK 2.21 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2022, 2023 dan 2024.
6. Kerjasama semua Ketua PTj adalah dipohon untuk memaklumkan penguatkuasaan pekeliling ini kepada semua pegawai di bawah tanggungjawab masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A. (M), ASEAN CPA)
Bendahari

s.k : YBhg. Prof. Dato' Naib Cancellor
Timbalan Naib Cancellor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)